

Pelajar Sabah terima PerantiSiswa Keluarga Malaysia

[Rafiqah Dahali](#)

am@hmetro.com.my



NORAINI (dua kanan) menyampaikan PerantiSiswa Keluarga Malaysia kepada pelajar.
FOTO Rafiqah Dahali

Kota Kinabalu: Sebanyak 3,748 permohonan peranti di bawah Program PerantiSiswa Keluarga Malaysia Fasa 1 diluluskan di negeri ini, setakat ini.

Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Dr Noraini Ahmad berkata, ia adalah jumlah permohonan yang diperakui layak daripada keseluruhan 5,565 permohonan yang diterima.

Menurutnya, sebanyak 1,817 baki permohonan masih dalam proses tapisan sebelum diluluskan di mana secara keseluruhan terdapat sebanyak 21,633 permohonan untuk Fasa 1 dan Fasa 2.

"Kelulusan pemberian PerantiSiswa dibuat secara berperingkat dan pengagihan akan disempurnakan dalam tempoh tiga bulan.

"Justeru, saya menyeru kepada semua pelajar IPT B40 yang masih belum memohon agar segera untuk membuat permohonan dalam Fasa 2 yang masih dibuka sehingga 30 September ini," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas Program Sarapan Pagi Menu Keluarga Malaysia dan Majlis Penyerahan PerantiSiswa Keluarga Malaysia di Universiti Malaysia Sabah (UMS), di sini, hari ini.

Turut hadir, Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Sabah, Datuk Yakub Khan.

Seramai 100 pelajar dari UMS, Universiti Teknologi Mara (UiTM), Kolej Almacrest dan Politeknik Kota Kinabalu menerima peranti terbabit, hari ini.

Sementara itu, ketika ditanya mengenai lima calon Naib Canselor baharu UMS, Noraini berkata, ia masih dalam peringkat penilaian.

Menurutnya, proses pemilihan calon Naib Canselor mempunyai proses tertentu di mana jawatankuasa tetap pemilihan akan bermesyuarat sebelum calon dipanggil dan dinilai.

"Sekarang ini saya belum lagi menerima (senarai) calon terbabit. Kita ada panel tetap yang membuat pemilihan dan ia masih dalam penilaian, jadi ia belum diserahkan ke tangan saya lagi," katanya.

Disiarkan pada: September 13, 2022 @ 1:33pm